

**TITAH UCAPAN
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
RAJA MUDA PERLIS
MERANGKAP TUANKU CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA
PERLIS DI ISTIADAT KONVOKESYEN KE 6, UNIVERSITI
MALAYSIA PERLIS
PADA 17 SEPTEMBER 2011, DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS**

Bismillahirrahmanirahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, maka dapatlah kita bersama-sama pada hari ini.

Sebagai Canselor, Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan yang berjaya menamatkan pengajian dan menerima ijazah atau diploma masing-masing pada hari ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua hadirin, khususnya para ibu bapa serta penjaga yang amat prihatin dan berkesempatan hadir di Istiadat Konvokesyen bagi meraikan kejayaan anak atau jagaan masing-masing. Sekalung tahniah juga Saya ucapkan di sini kepada semua ibu bapa, penjaga dan seisi keluarga.

Saudara-saudari sekalian,

Saya amat berbangga sekali melihat para graduan yang ada di hadapan Saya berjaya menamatkan pengajian dan akan meninggalkan UniMAP untuk memulakan kerjaya masing-masing.

Hadirin sekalian,

Di kesempatan ini, Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para penerima Anugerah Ijazah Kehormat, yakni Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Zulkefli A. Hassan, Dr. R. Vasant Kumar, dan Encik Mohd. Parid Sulaiman. Sesungguhnya, mereka ini merupakan tokoh teknokrat yang bukan sahaja telah banyak berbakti dan berkhidmat dengan penuh dedikasi, serta berjasa kepada rakyat dan negara tetapi telah menyumbang idea dan

kepakaran masing-masing kepada perkembangan Universiti Malaysia Perlis terutamanya dan pembangunan sektor industri di negara amnya. Di atas sumbangan bakti yang tidak ternilai itulah, maka mereka telah dipilih oleh Senat Universiti untuk dianugerahkan Ijazah Kehormat yang bersesuaian dengan bidang tumpuan masing-masing.

Hadirin sekalian,

Rata-rata persepsi pekerjaan menanti graduan di luar sana tidak boleh lagi diterima pakai. Saban tahun, beribu graduan dilahirkan oleh universiti tempatan dan luar negara. Dewasa ini, bolehlah dikatakan bahawa penawaran tenaga buruh di dalam negara melebihi daripada permintaannya. Lantas, fenomena graduan menganggur timbul di dalam masyarakat. Ramai, termasuk ibu bapa, menuding jari kepada pihak universiti kerana gagal

mendapatkan pekerjaan bagi anak mereka. Persoalannya di sini ialah, adakah universiti berperanan untuk menjamin pekerjaan setelah graduan tamat pengajian? Marilah kita faham dan hayati apakah itu universiti. Saya tinggalkan persoalan ini di minda hadirin untuk menghalusi dan memikirkannya. Namun demikian, pihak universiti tidak sekali-kali melepaskan tangan dalam hal ini.

Kini, kadar kebolehpasaran para graduan dijadikan satu daripada indeks atau ukuran untuk memberi penarafan dan pemeringkatan antara universiti. Dalam hubungan ini, Saya ingin menyarankan kepada para ibu bapa supaya tidak memberi tekanan kepada universiti-universiti dari segi kesulitan para graduan mendapat pekerjaan selepas bergraduasi. Para graduan hendaklah memuhasabah kebolehan dan keupayaan serta memperbaiki kelemahan, menimba pengalaman dan menambahbaik kekuatan

diri sendiri di mana berkaitan, untuk bersaing di pasaran pekerjaan.

Hadirin sekalian,

Kini negara kita mempunyai 20 IPTA dan banyak lagi IPTS. Yang anehnya, kita belum lagi dapat melahirkan seorang Pemenang Hadiah Nobel atau Nobel Laureates. Apakah ini menandakan bahawa kita ketandusan ahli-ahli fikir yang berwibawa? Adakah usaha atau strategi ke arah tujuan tersebut dilaksanakan di peringkat universiti-universiti tempatan? Saya faham bahawa proses bagi mendapatkannya dibuat secara pencalonan menerusi jemputan dan dipilih melalui pengundian oleh Jawatankuasa Nobel.

Walaupun proses dan kriteria pemilihan adalah ketat, kita perlu berusaha melalui jaringan global para intelek dan penyelidik antarabangsa untuk menyertai pencalonan bagi mendapat Hadiah yang berprestij ini. Saya percaya kita mempunyai calon-calon yang berpotensi yang boleh ditindik dan dididik ke arah mencapai sasaran tersebut. Dulu kita bercita-cita untuk melahirkan seorang Angkasawan. Dan kita berjaya kerana kita berani untuk membuat pelaburan dan kerjasama dengan negara luar. Kenapa kita tidak berani untuk membuat pelaburan dan kerjasama dalam usaha melahirkan seorang Pemenang Hadiah Nobel?

Hadirin sekalian,

Akhiri titah, Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan dan ibu bapa. Janganlah anggap langkah anda sebagai graduan bertemu noktah di sini. Carilah peluang untuk menambah ilmu pengetahuan di samping mencari pengalaman-pengalaman baru bagi mempelbagaikan kemahiran dan bukan hanya fokus kepada bidang tumpuan semata-mata.

Tahniah Saya ucapkan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor dan seluruh pengurusan Universiti yang telah berjaya meletakkan UniMAP, bukan sahaja setanding malahan semakin hebat setaraf pencapaian universiti lain yang lebih lama di rantau ini. Saya juga berdoa UniMAP akan terus mantap dalam semua bidang selaras dengan lagu Semangat Universiti: "Visi Cemerlang, Gemilang dan Terbilang".

Sebagai Canselor, Saya akan senantiasa memberikan dorongan dan saranan agar UniMAP terus tersohor, sebagai sebuah Universiti teknikal berfokus yang kreatif dan inovatif, cemerlang dan berintegriti. Saya dan Raja Puan Muda Perlis selaku Pro Canselor berdoa, semoga Allah Aza Wajalla akan memberkati majlis kita pada hari ini dan memelihara perjalanan saudara-saudari sekalian ketika pulang ke destinasi masing-masing insyaallah.

Cuaca gelap semakin redup,
Masakan boleh kembali terang,
Budi dan ilmu amalan hidup;
Barulah kekal disanjung orang.

Perahu Kolek Mudik Ke Hulu,
Sarat Muatan Isi Kelapa,
Pengorbanan Bapa Susah Payah Ibu;
Janganlah Graduan Mudah Lupa.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima kasih.